

03 MAR 2003

Mahathir-Cuti

DR MAHATHIR MULA BERECUTI KHAMIS, ABDULLAH PEMANGKU PM

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan bercuti rehat mulai Khamis hingga 4 Mei dan semasa percutiannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan memangku jawatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Menurut kenyataan dua perenggan Pejabat Perdana Menteri hari ini, sebelum percutian itu Dr Mahathir akan menghadiri mesyuarat khas Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Doha, Qatar yang dijadualkan berlangsung esok dan Rabu.

"Semasa YAB Perdana Menteri bercuti, YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri akan memangku jawatan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu turut menyebut bahawa Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail telah dimaklumkan mengenai pemangkuan itu.

Dalam tempoh percutiannya Dr Mahathir juga akan mengadakan lawatan kerja ke Brazil dan Jeddah.

Pada 22 Jun tahun lepas semasa berucap pada akhir perhimpunan agung Umno, Dr Mahathir telah membuat kejutan apabila mengumumkan untuk melepaskan semua jawatannya dalam kerajaan dan parti tetapi telah menarik semula peletakkan jawatannya itu dengan beberapa syarat.

Dr Mahathir akhirnya mengumumkan untuk bersara selepas Sidang Kemuncak OIC yang akan dipengerusikan Malaysia pada Oktober ini.

Beliau telah menamakan Abdullah sebagai penggantinya.

Dr Mahathir pada satu wawancara dengan CNBC TV pada penghujung Januari lepas berkata bahawa beliau setuju untuk kekal sebagai Perdana Menteri dengan dua syarat iaitu beliau dibenarkan bersara selepas Sidang Kemuncak OIC dan diberi cuti dua bulan selepas Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM).

Sidang Kemuncak Ke-13 NAM telah berlangsung dengan jayanya di sini pada 20 hingga 25 Feb lepas.

-- BERNAMA

HS HS RHM